

UCAPAN  
YANG MULIA ABDUL WALID BIN HAJI MATASSAN  
TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP  
(BANDARAN DAN DAERAH)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL LANTIKAN  
KETUA KAMPUNG AMO  
MUKIM AMO, DAERAH TEMBURONG  
[AWANG HUJAN ANAK MUIT]

Pada  
Hari Jumaat,  
12 Jamadilawal 1440 bersamaan 18 Januari 2019

Tempat  
Rumah Panjang Amo 'B', Kampung Amo,  
Mukim Amo, Daerah Temburong,  
Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu,

Penghulu Mukim Bokok, Selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Mulia Awang Mohammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim,

Pemangku Pegawai Daerah Temburong;

Yang Mulia Awang Haji Bahrin bin Haji Talip,  
Penghulu Mukim Amo;

Yang Mulia Awang Hujan anak Mui,

Ketua Kampung Amo yang baru, siapa yang kitani raikan pada hari ini;

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kerajaan,

Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua  
Kampung;

Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan  
Penduduk-Penduduk Kampung Amo;

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati  
sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izinNya jua membolehkan kita semua hadir pada pagi ini iaitu **Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Kepada Ketua Kampung** yang baru bagi Yang Mulia **Awang Hujan anak Mui**. Selawat dan Salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para Sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Awang Mohammad Khairul Shahrul bin Haji

Duahim, Pemangku Pegawai Daerah Temburong serta juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penyelenggara Majlis pada pagi ini, menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Amo dan seterusnya diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Perlantikan semula dan kenaikan pangkat Yang Mulia Awang Hujan anak Muit adalah atas kurnia Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan adalah atas sokongan

anak-anak buah di kampung ini pada Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung yang telah diadakan sebelum ini, bagi mengetuai, menerajui, memimpin serta memeduli hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan anak-anak buah kampung. Rasanya tidak terlambat bagi saya untuk mengucapkan tahniah atas perlantikan Yang Mulia Awang Hujan anak Muit tersebut.

4. Sebagai seorang yang pernah dilantik selaku Ketua Kampung, setentunya telah mempunyai pengalaman-pengalaman dan telah pun masak dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam menerajui Kampung Amo. Dengan perlantikan semula ini saya percaya Yang Mulia Awang

Hujan anak Muit akan berupaya memikul tanggungjawab yang diberikan dengan lebih berkesan dan meneruskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan diperingkat kampung dan seterusnya mampu mewujudkan persefahaman, permuafakatan dan kerjasama yang erat lagi padu di kalangan anak-anak buah dan seterusnya akan mengembang-majukan lagi kampung ini kepada tahap yang lebih Cemerlang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah wadah atau landasan

bagi penyertaan pelbagai lapisan masyarakat bermuzakarah dan bermuafakat dalam merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada aspek keugamaan, kebajikan, kebudayaan, kemasyarakatan dan perekonomian dengan hasrat yang sama iaitu untuk menyatupadukan masyarakat mukim dan kampung.

6. Sejak penubuhannya, Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah dilihat dapat menjalankan peranan dan fungsinya dalam menyatupadukan penduduk mukim dan kampung untuk bergiat lebih aktif dalam kegiatan-kegiatan yang mewujudkan serta mempertingkatkan semangat perpaduan



dikalangan masyarakat melalui permuafakatan, persefahaman dan keharmonian hidup bermukim dan berkampung. Ianya adalah sebagai salah satu 'platform' untuk membolehkan masyarakat mukim dan kampung dalam sama-sama berganding bahu untuk terus membangun, merancang dan yang paling mustahak ialah untuk menggerakkan kegiatan-kegiatan ke arah kemajuan dan perkembangan kampung.

7. Sebagaimana yang kita maklumi bersama, pelbagai aktiviti telah diungkayahkan dan diterokai oleh penduduk mukim dan kampung melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ketika ini dibawah kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua

Kampung dengan semangat kerjasama, permuafakatan dan persefahaman anak-anak buah mukim dan kampung.

8. Dalam hubungan ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan-Jabatan Daerah akan terus meneruskan berusaha dalam membantu Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam memberikan galakan dalam pengendalian aktiviti-aktiviti mukim dan kampung bagi memajukan kampung masing-masing demi masyarakat mukim dan kampung itu sendiri secara berterusan dan ditingkatkan dari masa ke semasa.

9. Sememangnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil berat mengenai dengan keberkesanan peranan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang sewajarnya dijalankan oleh Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi membantu dan memastikan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan yang dirancangkan termasuklah yang berkaitan dengan perekonomian mukim dan kampung.

10. Termasuk dalam perkara ini ialah penghasilan Satu Kampung Satu Produk atau 1K1P. Penghasilan dari jualan-jualan produk kampung diharapkan akan meningkatkan pendapatan anak-anak kampung dan seterusnya diharap menjadikannya berkembang maju sehingga dapat dijual, bukan saja diperingkat kampung dan daerah, tetapi juga untuk pasaran luar negara dimasa-masa akan datang.

11. Adalah maklum bahawa ada di antara Majlis-Majlis Perundingan Kampung telah dapat bergerak dengan aktifnya dengan mengungkapkannya aktiviti-aktiviti yang berkebajikan dan juga menghasilkan produk-produk Satu Kampung Satu Produk

bagi kesejahteraan kampung masing-masing dengan jayanya. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, adanya juga Majlis-Majlis Perundingan Kampung yang masih belum secara aktifnya sedangkan ianya telah dibentuk sekian lama di kampung-kampung yang berkenaan. Perkara ini perlulah diteliti dan diatasi dan sebarang permasalahan hendaklah dikenalpasti bagi memastikan ianya akan dapat dilaksanakan dengan baik sepertimana yang dihasratkan. Disinilah juga peranan Penghulu-Penghulu Mukim untuk terus menggerak-aktifkan Majlis-Majlis Perundingan Kampung dibawah jagaan masing-masing.

Hadirin dan hadirat yang dihormati  
sekalian,

12. Dalam mengungkapahkan aktiviti-aktiviti  
Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan  
Kampung, Majlis-Majlis Perundingan  
Kampung perlulah juga peka dengan  
keadaan sekeliling kampung khususnya  
pemedulian terhadap kesejahteraan anak-  
anak buah kampung yang daif, fakir dan  
miskin di kampung masing-masing,  
termasuklah juga dalam bersama-sama  
menangani isu-isu gejala sosial yang perlu  
diatasi dikalangan anak-anak buah  
kampung dan untuk tidak leka dengan  
hanya memfokuskan terhadap sosio-  
ekonomi kampung.

13. Ketua-Ketua Kampung selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung, dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan anak-anak buah secara keseluruhan, yang mana sikap pemedulian adalah penting dan mustahak bagi membentuk hubungan baik pemimpin dengan anak-anak buah kampung. Adalah diharapkan ianya akan dapat meningkatkan lagi tahap pemedulian rakyat dan penduduk di negara ini di kampung-kampung disamping akan dapat memantapkan dan mengukuhkan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

14. Saya melihat bahawa pada asasnya kejayaan sesuatu Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah bergantung kepada tahap pucuk pimpinan Majlis-Majlis Perundingan tersebut yang terdiri daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, dan setentunya kemajuan sesebuah kampung itu terletak kepada sejauh mana seseorang pemimpin itu bijaksana dapat menerajui dan membawai anak-anak buah mukim dan kampung. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, kemajuan Majlis-Majlis Perundingan Kampung adalah juga bersandarkan kepada jentera penggeraknya iaitu keahlian Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta sokongan daripada anak-anak buah kampung untuk mencapai kejayaannya,



dan tanpa adanya sokongan padu dari pihak-pihak ini, ianya tidak memberikan kesan dan kejayaan kepada kampung dan sebarang perancangan tidak akan mendatangkan hasil.

15. Anak-anak buah kampung khususnya juga dikalangan belia dan wanita seharusnya juga tampil ke hadapan bagi sama-sama melibatkan diri dalam menganggotai Majlis-Majlis Perundingan dalam sama-sama menunaikan tanggungjawab dan berganding bahu bersama Ketua Kampung dalam apa jua perancangan atau acara yang dikendalikan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati  
sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya menyarankan supaya para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung akan sentiasa menjaga imej dan nama baik institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi yang menjadi contoh teladan yang baik pada masyarakat di kampung masing-masing, dan kepada anak-anak buah kampung ini supaya akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Yang Mulia Awang Hujan anak Muit selaku Ketua Kampung Amo yang dilantik.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,  
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.